ISSN 2829-047X
Proceeding International Seminar on Islamic Education and Peace
Volume 1, 2021

PENDEKATAN PENDIDIKAN AKIDAH ISLAMIAH KEARAH PEMBENTUKKAN SAHSIAH PELAJAR

Siti Umiyati bt Mas'od
umibahar@gmail.com

Ahmad Marzuki Bin Mohamad
amarzuki@utm.my
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Gejala sosial yang sedang melanda golongan remaja umat Islam memerlukan keberkesanan pendidikan Islam khususnya pendidikan akidah. Ia disebabkan baiknya sesebuah masyarakat Islam bergantung kepada tingkah laku dan akhlak individu yang berpunca daripada kefahaman dan pegangan agamanya. Atas dasar ini pendidikan Akidah dilihat semula dengan usaha agar peranannya dapat merubah dan membentuk modal insan dan seterusnya membina tamadun manusia. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk melihat keberkesanan pendekatan pendidikan akidah yang dilaksanakan dapat membentuk sahsiah pelajar. Kajian ini juga dapat mengenal pasti ciri-ciri pendekatan pendidikan akidah yang perlu difahami oleh para pendidik masa kini. Kajian yang dilakukan secara kualitatif dalam kajian ini . Responden terdiri daripada guru dan pelajar dan memilih kaedah temubual dan data kuantitatif sebagai dasar sokongan kajian ini.

Kata kunci : *Pendekatan Pendidikan Akidah membentuk sahsiah pelajar.*

ABSTRACT

The social problems that are plaguing the Muslim youth require the effectiveness of Islamic education, especially faith education. It is because the goodness of a Muslim society depends on the behavior and morals of the individual which stems from his understanding and religious beliefs. On this basis, Akidah education is reviewed with an effort so that its role can change and shape human capital and subsequently build human civilization. The main purpose of this research is to see the effectiveness of the faith education approach implemented can shape the personality of students. This study can also identify the characteristics of faith education approaches that need to be understood by educators today. The study was conducted qualitatively in this study. Respondents consisted of teachers and students and chose interview methods and quantitative data as the basis to support this study.

Keywords*: Akidah Education Approach shapes the personality of students.*

1.0 PENGENALAN

Malaysia beriltizam untuk menjadi sebuah Negara maju pada tahun 2020 dan kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad dalam bidang ekonomi sahaja malahan ia mencakupi aspek politik, sosial, rohani, kejiwaan dan kebudayaan. Negara yang maju yang menjadi wawasan yang mantap pegangan dan utuh akhlaknya hingga mampu menghadapi ujian kemajuan dan juga ujian dalam pembangunan moden. Pada masa kini apa yang berlaku di Negara-negara barat ialah masalah keruntuhan akhlak dan moral yang kini mula dialami oleh pelajar di negara ini.

Masyarakat sudah mula semakin lali dengan isu penagihan dadah, seks bebas,

 ISSN 2829-047X

jenayah juvana, permasalahan buli di sekolah dan lari dari rumah dan pelbagai lagi yang mewarnai pola kehidupan masyarakat remaja kini. Berdasarkan permasalahan diatas ia perlu diberi perhatian yang serius bagi penyelesaian jangka panjang. kualiti akhlak dalam kalangan pelajar yang semakin meruncing kerana saban hari isu akhlak dan moral ini dipaparkan di surat khabar dan ini melibatkan remaja melayu yang beragama Islam. Perkara ini semakin parah kerana ia melibatkkan perkaitan akidah. Punca utama masalah ini berlaku ialah kerana lemahnya pegangan akidah dan hilang kekuatan jati diri individu.

أَنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksud: Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehinggalah mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (Surah al-Ra'd 13:11)

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Pendekatan pendidikan akidah adalah asas kepada dasar-dasar yang berbentuk abstrak dan melibatkan kepada kepercayaan dan keyakinan. Kerangka akidah dalam Islam juga bersifat dengar dan percaya iaitu percaya dengan adanya Allah SWT, beriman kepada malaikat , rasul-rasul,hari kiamat,alam kubur dan sebagainya adalah bersifat *sama'iyyat.* Oleh itu pelajar yang tidak terdedah dengan ilmu akidah akan menyebabkan mereka lemah kerana tiada kekuatan dari segi kepercayaan yang hak. Mereka tidak yakin dan nampak apa yang ada disebalik pendidikan akidah iaitu kehidupan selepas kematian .

Ia kini menjadi isu universal yang dihadapi oleh semua tempat .Cotton,2001). Malah di Malaysia sahaja,pelajar yang tidak menghayati pendidikan akidah akan menimbulkan masalah kejiwaan.Ia seterusnya menjadikan pelajar terlibat dengan masalah displin yang sering menjadi perhatian media massa dan dibincangkan oleh masyarakat. Pelbagai pandangan telah diutarakan oleh masyarakat tentang perlunya tindakkan tegas diambil terhadap isu masalah disiplin yang semakin merosot. (Khalim,2004). Pendekatan Pendidikan Akidah adalah satu cara untuk membentuk dan menanam nilai-nilai murni, khususnya membentuk sikap dan kelakuan, terutama dalam konteks perubahan akhlak dan pendekatan pendidikan akidah ini sahaja yang mampu mendidik para pelajar agar sentiasa berhemah dan berdisplin.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pendekatan pendidikan akidah akan menjadikan akhlak yang terpuji ,manakala penghayatan nilai murni bermula dari peringkat awal persekolahan akan membantu dalam melahirkan pelajar yang akan menyumbang kepada negara yang memiliki akhlak dan etika yang baik dan nilai murni memerlukan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang baik tentang nilai kehidupan (Tajul Ariffin bin Nordin dan Nor'Aini 2002).

Pendekatan pendidikan akidah telah melahirkan banyak kajian oleh penyelidik dan ia ada hubungannya dengan penghayatan akhlak pelajar. Banyak kajian yang dijalankan ini memberikan pandangan bahawa tahap pengetahuan akidah ada hubungannya dengan akhlak pelajar dimana ia akan membina sahsiah pelajar itu sendiri.

Penekanan dari persepektif Islam ialah dengan dilatih dari peringkat kanak-kanak lagi dengan menanam asas-asas akidah seperti aspek ketuhanan, kenabian dan hari kebangkitan.Tiga kaedah yang dinyatakan disini dalam pendidikan akidah ialah dengan menggunakan hikmah kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik dan berbahas dengan cara yang baik. Kaedah lain seperti rehlah, lemah lembut, kasih saying, perumpamaan, bercerita, nyanyian dan muzik islam, qudwah hasanah, bermain dan menggunakan logik akal.Ia dapat menggabungkan matapelajaran pendidikan akidah dengan pembelajaran akhlak sebagai salah satu cara untuk memberikan pendekatan dan kefahaman yang jelas kepada pelajar dalam membentuk sahsiah yang baik.

Pendekatan pendidikan akidah menjadi sangat penting kerana ia bergabung dengan tahap pengetahuan akidah dan ia akan mempengaruhi faktor-faktor sosial terhadap

tahap pengetahuan akidah dan hubungan kedua-duanya dengan tahap penghayatan akhlak pelajar-pelajar.

Pendekatan pendidikan akidah melalui penghayatan al-Quran dan hadith sangat membantu dalam pembentukkan sahsiah pelajar. Ia menjadi tonggak kemajuan dan kebahagiaan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Pendidikan ini sangat perlu diberi perhatian kepada pelajar sebagai membentuk jiwa kerohanian pelajar. Al-Quran dan hadith ini juga menjadikan sebagai satu usaha untuk membentuk dan membina manusia mengikut acuan yang dikehendaki secara sedar, terencana, sistematik, berkesinambungan, berpola dan berstruktur hingga dapat mencapai matlamat iaitu dapat menyempurnakan tiga aspek iaitu jasmani, akal dan akhlak dalam sudut pembangunan sahsiah dan kemasyarakatan .

Al-Quran dan Hadith menjadi satu perkara penting dalam pembinaan sesebuah negara.Dengan pendekatan pendidikan akidah ia sebagai satu keperluan untuk melahirkan manusia sebagai seorang yang berpegang dan beramal dengan ajaran Islam secara betul dan menyeluruh. Pendekatan pendidikan akidah melalui al-Quran dan Hadith menjadikan manusia dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang cukup agar dapat mengenali diri dan tugas serta mengetahui cara untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah. Pendekatan pendidikan akidah atau pendidikan iman atau pendidikan rabbani akan dapat menolak konsep sekularisme dalam pendidikan yang memisahkan pendidikan Islam daripada mencapai kehidupan duniawi atau fungsi pendidikan yang dapat menyelesaikan segala permasalahan duniawi.

Pendekatan Pendidikan akidah yang bersumberkan al-Quran dan hadith akan melahirkan manusia yang bertaqarrub kepada Allah. Boleh melahirkan manusia yang baik beradab , menjadi modal insan , melahirkan insan soleh dan sentiasa membentuk segala tindakkan mengikut kehendak Allah. Seluruh tindakkan hidupnya dapat menilai dan memperbaiki segala yang salah dan dapat menilai mana yang baik dan mana yang buruk. Pendekatan pendidikan akidah juga menjadi penggerak dua hala iaitu guru dan pelajar yang sentiasa digerak untuk menjadi lebih efektif. Keseluruhan proses pengajaran akan membawa kepada pendekatan pelajar kepada membina tingkah laku yang baik dan dapat menambah nilai positif.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk membina cara yang terbaik dalam pendekatan pendidikan akidah supaya dapat mencapai kejayaan dalam membina sahsiah pelajar. Objektif ini dapat dibina dengan perkara yang berikut :

- Bagimanakan pendekatan pendidikan akidah dapat konteks matlamat , objektif dan isi kandungan dapat difahami oleh guru .
- Menghayati dan memahami konsep pendekatan pendidikan akidah dan dapat membentuk sahsiah pelajar.
- Apakah ciri-ciri pengajaran yang berkesan supaya pelajar dapat dibimbing kearah jalan yang benar.
- Apakah metodologi pengajaran dan pembelajaran pendidikan akidah yang digunakan kepada pelajar.

4.0 PELAKSANAAN TINDAKKAN

Isu tentang displin pelajar telah menjadi topik yang hangat dan sering diperkatakan ekoran berlakunya beberapa kes jenayah dan salah laku yng melibatkan pelajar. Dahulu masalah displin yang wujud hanyalah berkisar tentang ponteng kelas, melawan guru, mencuri, bergaduh dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini telah melibatkan banyak kes-kes jenayah yang berat. Kebanyakkan laporan yang sering di dedahkan dalam akbar-akbar tempatan menampakkan perlunya masalah displin pelajar ini ditangani dengan sewajarnya. Apatah lagi dewasa ini banyak berlaku perkara negatif terutamanya di kalangan remaja yang majoritinya adalah pelajar sekolah menengah dalam lingkungan usia 13 hingga 20 tahun. Bahkan isu ini menjadi topik yang hangat dibincangkan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

 ISSN 2829-047X

Selain itu ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan perilaku mereka menjurus kearah yang perkara yang negatif (Fatimi & Mohd Zamani, 2006). Begitu juga dengan pernyataan bahawa penghayatan akhlak yang lemah sering dikaitkan dengan gejala keruntuhan akhlak masa kini, (Harery, 2007). Menurut Tajul Ariffin dan Nor ' Aini (2002), masalah keruntuhan akhlak dan nilai berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan sebenar mereka dihidupkan didunia ini.

Dalam kealpaan manusia yang menyebabkan lupa dan mudah tewas dengan hawa nafsu dan bersikap materialistik dan akhirnya berlaku jenayah rasuah, pecah amanah, dan ketagihan dadah dan pelbagai tingkah laku yang menyimpang yang dilakukan bukan sahaja dalam kalangan orang yang kurang pendidikan tetapi juga tidak terkecuali golongan yang dianggap intelek dan terpelajar. Apakah ini semua berpunca daripada kurikulum pendidikan yang tidak lengkap?. Atau adakah kurikulum yang sedia ada perlu diubah suai kearah dalam melahirkan pelajar yang mempunyai pendidikan dan juga mempunyai akhlak yang terpuji.Oleh itu bagaimanakah pelaksanaan tidakkan yang perlu dilakukan untuk membina kerohanian pelajar ini semula.

4.1 Konsep pendekatan pendidikan akidah

Konsep pendekatan pendidikan akidah ialah melibatkan keseluruhan kehidupan seorang muslim yang sangat unik , luas dan sangat besar impak kepada muslim. Sejak di alam Rahim ibu, manusia telah melafazkan ikrar dan mengakui bahawa Allah SWT sebagai Illah dan Nabi Muhammad sebagai utusanNya.

Pendekatan pendidikan akidah juga melahirkan satu konsep dimana ia akan membentuk pegangan dan kehendak akidah itu sendiri dengan kalimah syahadah melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta mempertingkatkan kefahaman akidah dan penghayatan. Pendekatan ini juga menanam keyakinan manusia terhadap keesaan Allah dengan menjadi insan yang soleh yang mendekatkan diri pada Allah SWT dan merialisasikan segala tujuan hidup manusia di dunia ini.

4.2 Pendekatan Pendidikan Akidah dalam Pendidikan Islam

Pendekatan pendidikan akidah dapat dilaksanakan dengan mudah dan berkesan dengan menjadikan al-Quran sebagai perkara utama dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Sebagai contoh nasihat dari Luqman kepada anaknya ialah berkaitan pendidikan akidah iaitu supaya tidak mensyirikkan Allah dan kemudian barulah tentang ibadah solat dan akhlak.

Pendekatan pendidikan akidah pelajar yang baik dengan membuat amal soleh dan diiringi dengan kebulatan kepada Allah serta keikhklasan iman untuk membangunkan akhlah yang luhur , bersih perasaan dan baik perilaku. Pendidikan akidah menjadi pengawal didalam hati untuk menjaga amanah dan pendorong jiwa untuk taat dan istiqamah dalam Islam. Berdasarkan akidah yang mantap ia dapat menyelamatkan diri dari menyimpang kearah jalan yang salah dan kearah kehancuran.

4.3 Pendekatan Pendidikan Akidah dan Implikasinya kepada Sahsiah Pelajar.

Pendekatan pendidikan akidah kepada Allah bukanlah sekadar beriman dengan kewujudan Allah sahaja semata-mata tetapi hendaklah mematuhi segala halal dan haram dan mempunyai ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi selain Allah. Sebagai contoh yang dapat di ikut sepanjang zaman iaitu sahabat nabi dimana setelah mempunyai jiwa yang kukuh dengan akidah islamiah hasil didikan Nabi Muhammad selama 13 tahun di Mekah kepada sahabat dimana mereka menjadi orang yang mempertahankan agama islam sehinggalah syahid dalam memperjuangkan agama Islam.

Pendekatan pendidikan akidah menjadi kekuatan dalaman dan menggerakkan peribadi seseorang mengikut acuan Islam seperti kesabaran dalam menerima segala ujian dan kebenaran berita yang dibawa oleh

nabi Muhammad SAW. Implikasi pendekatan pendidikan akidah memberi kekuatan dan keyakinan akan kebenaran Islam dan kebahagiaan yang dibawa bersama dengan Nabi Muhammad SAW. Oleh itu implikasi pendekatan pendidikan akidah memberi kesan yang mendalam kearah pembentukkan sahsiah pelajar kerana ia dapat menghalang mereka dari melakukan maksiat yang dilarang oleh agama.

4.4 Pendekatan Pendidikan Akidah dalam menghadapi situasi dan permasalahan semasa.

Pendekatan pendidikan akidah juga adalah untuk menyelesaikan permasalahan semasa yang dihadapi oleh masyarakat dari semasa ke semasa kerana ia dapat berfungsi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dengan menyediakan asas-asas pemikiran Islam yang boleh menjawab sebarang permasalahan kehidupan. Segala peraturan dalam kehidupan telah disusun cantik oleh Nabi Muhammad sebagai sandaran kepada ummat Islam dalam membentuk diri dan keseluruhan dalam kehidupan.

4.5 Pendekatan Pendidikan Akidah dalam membina strategi bermotivasi kearah membentuk sahsiah pelajar

Konsep motivasi dalam pendekatan pendidikan akidah menjadi dasar pegangan kepada muslim yang bergejolak dalam jiwa menuntut supaya individu bersungguh mempelajari pelajaran termasuk pelajaran akidah. Tanpa kefahaman yang baik, konsep akidah yang ada tidak dapat berfungsi dengan baik dan melaksanakan tuntutan-tuntutan dengan sempurna. Pegangan akidah yang benar akan mendorong para pelajar bersungguh-sungguh di dalam kelas untuk mempelajari pendidikan akidah dan juga subjek-subjek pelajaran yang lain. Mereka juga dapat memahami setiap usaha dan pemikiran yang dikorbankan untuk maksud ini akan dapat ganjaran pahala daripada Allah SWT walaupun gagal mendatangkan sebarang hasil dalam peperiksaan.

Sahsiah merupakan salah satu elemen utama dalam proses kehidupan seseorang Muslim. Seorang guru yang bersahsiah mulia akan mudah mendidik muridnya untuk berkelakuan baik. Akhlak atau sahsiah bermaksud budi perkerti, perangai, tingkah laku dan tabiat. Perkataan akhlak adalah jamak kepada perkataan khuluq (Al-Firahidi 2001 : Luis Ma'luf). Dalam kehidupan masyarakat umum disebut sebagai sahsiah atau moral. Hal ini dijelaskan oleh Collste (2012) yang menyatakan bahawa sahsiah atau moral adalah ciri semula jadi manusia kerana manusia adalah makhluk sosial yang terlibat dalam interaksi sosial. Selain itu, Mohd Nasir (2005) menjelaskan bahawa Miskawaih, al- Ghazali dan al-Tusi, bahawa akhlak seseorang boleh diubah dan diasuh menjadi akhlak mulia melalui didikan dan latihan yang baik.

Disamping untuk membina personaliti akhlak mulia ini juga digabungjalin dengan pendekatan pendidikan akidah dan mengajak seluruh manusia untuk mengesakan Allah SWT. Rasullullah SAW sangat menekankan tentang akhlak. Segala kegiatan Rasullullah SAW banyak sekali menekankan tentang usaha –usaha pembentukkan peribadi muslim iaitu dengan membuang sifat-sifat tercela (mazmumah) lantas menggantikan dengan sifat-sifat yang terpuji dan mulia (mahmudah). Seseorang muslim yang beriman dengan sebenar-benar iman akan dapat meningkatkan nilai diri di mata masyarakat. Begitu juga dengan umat yang mengikuti ajaran Islam secara sempurna dan lengkap. Rasulullah SAW mendidik manusia supaya berakhlak dan berdisplin kerana ia membawa kepada kemuliaan umat. Sidek (2009) .

Agama Islam yang berpaksikan pendidikan akidah sangat menitikberatkan semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan yang meliputi setiap aspek rohani, jasmani, mental dan fizikal serta menggalakkan penganutnya untuk merebut peluang keilmuan tanpa mengira perbezaan diantara lelaki atau perempuan. Setiap muslim mahukan kebaikan dunia dan akhirat. Pendekatan pendidikan akidah dalam Islam sangat menitikberatkan untuk melahirkan insan yang mulia dengan akidah yang sempurna.

 ISSN 2829-047X

Islam melahirkan ummah yang beriman selaras dengan segala dakwah Nabi Muhammad SAW. Selaras dengan pendekatan pendidikan akidah akan melahirkan insan yang mempunyai akhlak yang terpuji. Pelajar ini menghayati nilai murni bermula dari peringkat awal persekolahan hinggalah melahirkan lulusan yang akan menyumbang kepada negara yang memiliki akhlak,iman dan etika yang tinggi .

Dalam membentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik memerlukan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang baik tentang nilai(Tajul Ariffin bin Nordin dan Nor'Aini 2002). Lantaran itu banyak pusat pendidikan berusaha melatih,dan mendidik serta menggariskan panduan untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia serta mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatannya sama ada baik atau buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni, menghayati segala nilai mulia dan juga merangkumi nilai –nilai kerohanian.

Jadual 1.1 : Bilangan kes salah laku disiplin pelajar.

Bil	Jenis Salah laku	2019	2020	2021
		Jumlah	Jumlah	Jumlah
1.	Berunsur Jenayah	17595	18457	7015
2.	Berunsur kelucahan	3031	2163	930
3.	Kurang sopan	18346	17189	7239
4.	Laku Musnah	5212	5343	5788
5.	Kemasan diri	21384	20778	4145
6.	Ponteng Sekolah	19545	18754	1391
7.	Kenakalan	8563	8923	8361
8.	Tidak patuh pada masa	17808	18611	3146

* Jumlah kes disiplin murid sehingga bulan Jun 2021
Sumber : Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM (2021)

Data ini menggambarkan etika dan nilai akhlak daripada sebahagian pelajar sekolah di Malaysia. Walaupun ia bukan dari keseluruhan pelajar, namun ia memberi impak dan kesan terhadap sejauh mana keberkesanan sistem pendidikan dalam membentuk generasi yang berakhlak, bermoral dan memiliki serta dapat menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

4.6 Bagaimana Mendidik anak dengan baik melalui pendekatan Islam.

Di dalam hal ini Islam banyak menekankan cara pendidikan tentang Islam yang benar sejak usia kecil dan memberikan pendidikan yang seimbang diantara keilmuan, rohani dan jasmani. Didalam memahami pendidikan akidah diwaktu usia yang muda inilah seharusnya diterapkan kepada anak-anak secara berdisplin dan bertahap iaitu cara solat dengan betul, berwudhu, mengaji, menceritakan tentang kisah para nabi , para sahabat nabi dan melatih anak untuk menghafal beberapa doa yang pendek seperti doa tidur, doa makan, dan sebagainya.

Selain itu juga Islam telah mengajarkan kepada kita dengan sentiasa menjadi contoh dan juga membiasakan anak-anak untuk membuat akhlak yang baik. Didalam perkara ini Islam sangat mementingkan contoh tauladan supaya dapat diikut oleh semua mukmin supaya tauladan yang baik dapat dicontohi oleh anak-anak seperti memberikan sedekah kepada fakir miskin, suka menolong orang, berani , sabar , rendah hati, menghormati orang lain, dan bersikap dengan sopan. Manakala untuk anak perempuan sejak kecil mesti dibiasakan dengan pakaian yang menutup aurat supaya apabila telah dewasa mudah untuk berhijab dan menutup aurat dengan sempurna.

Selain itu juga melalui pendekatan pendidikan akidah pula ialah dengan menumbuhkan pemahaman yang positif kepada anak tentang dirinya. Pemahaman yang positif ini sepatutnya dapat ditanam dan dibina sejak kecil lagi dengan minda yang positif bahawa anak ini adalah sebagai khalifah yang sangat penting dimuka bumi ini. Biarlah ia belajar dengan bertanggungjawab atas apa yang dipilih untuk dilakukannya dan janganlah mencela pendapatnya kerana ia akan membuat beliau merasa tidak dihargai. Dengan didikan pendekatan pendidikan akidah ini akan melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi selaras dengan keutamaan pendidikan islam.

4.7 Apakah kesan daripada pendekatan Islam

Dengan pendekatan pendidikan akidah ini dapat menjadikan pelajar yang dapat membentuk rohani dan keperibadian selari dengan cara yang telah ditentukan oleh Allah iaitu dengan melaksanakan ibadah-ibadah yang khusus dan ikhlas kepada Allah S.W.T.

Wahyudin (2003: 15) juga menghuraikan bahawa dengan pembelajaran pendidikan akidah yang baik dan betul maka akan menghasilkan akhlak atau dapat melahirkan displin kepada diri sendiri seperti sabar, syukur, iffah , amanah, dan qana'ah. Dan hasilnya ialah pelajar ini dapat berbakti kepada orang tuanya sendiri, adil kepada saudaranya, dapat mendidik keluarga dan memelihara keturunan , menjaga masyarakat dengan melahirkan ukhuwah, ta'awun, adil, pemurah, penyantun, pemaaf, menepati janji, bersikap sopan santun, displin , rajin, musyarawah,dan wasiat dalam kebenaran manakala kepada gurunya pulak akan melahirkan tawaduk, menghormati guru, bersikap sopan , displin, rajin, dan ditambah lagi dengan ikrimah kepada alam dan sentiasa memenfaatkan sesuatu perkara dengan baik yang teguh dan betul. Ia juga menguatkan hati dari Iman dan keyakinan kepada Allah SWT.

Ummah yang berakidah tinggi juga akan bertindak secara progresif dan dinamis dengan dengan melakukan penyelidikan secara terperinci terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat. Ini bermaksud ummah yang berakidah tidak menerima sesuatu maklumat secara bertaklid kepada mana –mana pihak kerana Akkah SWT menuntut agar mukmin menyelidiki sumber maklumat dan tidak mudah menerima apa-apa maklumat secara terburu-buru.

5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya pendekatan pendidikan akidah kepada pelajar sangat penting kerana ia akan membentuk data peribadi dan tabiat dimana ia akan membentuk jiwa pelajar. Jika baik isi dalamnnya maka baiklah keseluruhannya. Jika sebaliknya maka akan rosaklah kehidupan poelajar itu sendiri. Oleh itu sebagai ibubapa menjadi tanggungjawab untuk memberikan pendidikan yang sempurna terutamanya dalam pendidikan akidah.

BIBLIOGRAFI

Pedagogi pendidikan islam. utusan publication. perpustakaan Negara Malaysia, terbitan pertama 2001.

Strategi, pendekatan, kaedah dan teknik, Friday 2,2012,

Metodologi Pembelajaran Aqidah (Kajian Iman kepada Nabi), November 27 mei 2012.

Isu-isu Masalah disiplin Pelajar : Pendekatan dan penyelesaian. UTM 15 Okt 2005

Isu-isu Masalah disiplin Pelajar : Pendekatan dan penyelesaian. UTM 15 Okt 2005

Journal of Islamic and Arabic Education 1 (2) 2009 1-14.

Ab. Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman Ajuhary. Amalan Pengajaran

Sayid Sabiq. (2003). Terjemahan, H. Moh. Abdai Rathomy " Akidah Islamiah. Pola Hidup Manusia Beriman." Pustaka Jiwa Sdn. Bhd. 2003.

Syed Qutb (1979). terjemahan Prof. Abdul Qahar Muzakkir,. " Petunjuk Sepanjang Jalan." El – Ikhwan Enterprise.

Mohd. Ismail Mustari (2006) " Menjadi Belia Cemerlang." PTS Profesional Publising Sdn Bhd

Kasmuri Selamat MA (2009). " 3 Sendi Agama Tauhid- Fekah- Tasauf." Darul Nu'man

Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007) " Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan Teori,Analisis, & Interpretasi data. " PTS Professional. Sdn Bhd.

Asy Syeikh Al- Ustaz Mustaffa Masyhur. (1985). Terjemahan Hj Mohd Tahir Daeng Mengati. " Bekalan Di Dalam Perjalanan Dakwah. "Awang Had Salleh (1980). Pendidikan kearah Perpaduan : Sebuah Pers-pektif Sejarah. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.Pustaka As-Salam. Sdn Bhd.

 ISSN 2829-047X

Dr. Danial Zainal Abiddin, (2003) Minda Muslim Super. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Muhammad Khairi bin Ramli, Muhammad Hamidi bin Zakaria. (2009). Kitab Tauhid Darjah 5 Sekolah Agama Kerajaan Johor. Darul Tenggara Sdn Bhd.

Abdul Kareem Zaidan. (1979). Dasar- dasar Ilmu Dakwah, Dewan PustakaFajar 25-26

Haji Abd Hadi Awang. 2006. Muqaddimah A'jdah Muslim. Penerbit saujan Media. Kuala Lumpur.

Abdul Rashid Ahmad. (1996) Pendidikan akidah menurut wasiat Luqman. Penerbit Al-Ramadan Subang Jaya

Ee Ah Meng (1988). Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Najib Al-Attas' Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi. Kuala Lumpur : Penerbit UniversitiMalaya.

Sulong Karim(1990) " Tahap perkembangan kognitif Guru Pelatih Maktab Perguruan dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik, Tesis M.Ed Universiti Malaya."

Ab Halim Tamuri dan Jaafary Awang.2005. Cabaran pendidikan nilai dalam pembangunan insan di Malaysia. Prosiding seminar pendidikan serantau UKM-UNRI ke 2. Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak. 2003. Pengajaran Akhlak di Sekolah menengah : Persepsi pelajar-pelajar. Prosiding wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Perkaedahan pengajaran pendidikan Islam : Antara tradisi dan inovasi. Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azhar Ahmad.2006. Strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak. Tesisi Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Metodologi Pembelajaran Aqidah (Kajian Iman kepada Nabi), november 27 mei 2012.

Isu-isu Masalah disiplin Pelajar : Pendekatan dan penyelesaian UTM 15 Okt2005.

Pedagogi pendidikan islam. utusan publication. perpustakaan Negara Malaysia terbitan pertama 2001.

Abdul Halim al- Muhammadi. 15 Mei 2009. Menfaat ilmu cara terbaik hargai jasa guru: pendidik pikul tanggungjawab berat bentuk generasi berdaya saing, pemimpin masa depan. B Strategi, pendekatan, kaedah dan teknik, Friday 2,2012, Berita Harian. Hlm 41.

Journal of Islamic and Arabic Education 1 (2) 2009 1-14

Ab. Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman Ajuhary. Amalan Pengajaran

Ab. Halim Tamuri & Nik Rahimi Nik Yusoff.2010. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Ab Halim Tamuri & Nik MohdRahimi Nik Yusoff dalam *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi, Universiti kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah DanPengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Keatas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri. 2005 Isu-Isu dalam amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. *Prosiding wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke- 4*. Fakulti Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh. 2006Kajian amalan pengajaran pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006*, Jilid 11. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri. 2006. *Modul pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran: pendekatan masa kini*. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Halim, Khadijah Abdul razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.Abdul Ghani & mohd Aderi Che Noh. 2006. *Kajian amalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah*. *Prosiding Seminar IRPA RMK-9, Kategori ERK 2007*, Jilid 12

Abdul Halim al- Muhammadi. 1991. Falsafah Pendidikan Islam : *Satu Perspektif Baru Dalam Pendidikan Islam Peranan Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.

Abdul Muhsien Sulaiman, 2014. *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukkan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

Abdul Raof Dalip. 1998. *Teknik pengajaran dan pembelajaran agama islam di sekolah menengah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia

Abdul Sukor Shaari, 2008. *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia.Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Ateng. 2009. *Amalan dan Tahap Kemahiran Tilawah al-Quran dalam Kalangan Pelatih Institut Perguruan Gaya, Kota Kinabalu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abu Saleh, Muhibuddin Ahmad. 1988. Asasiyat fi turuq tadris al- amah. Riyadh: Dar al-Huda.

Ahmad Johari Sihes (2009). Konsepsi Pengajaran Pensyarah dan Kaitannya Dengan Pendekatan Pembelajaran Pelajar. Tesis Phd UTM. Skudai Johor.

Ahmad Mohd Salleh. 1997. Pendidikan Islam: falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Mohd Salleh. 2010. Pengajian Agama Islam & J- Qaf Metadologi dan Pedagogi Pendidikan. Selangor: Oxford Fajar.